

Isu tarif timbal balik

# Hubungan Malaysia-AS perlu kekal sederhana: PM

Rundingan dilakukan cari penyelesaian elak ekonomi negara terjejas

Oleh M Hifzuddin Ikhsan,  
Nor Fazlina Abdul Rahim  
dan Aizat Sharif  
bhnews@bh.com.my

**Kangar:** Hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) perlu kekal sederhana dalam menyelesaikan isu tarif timbal balik yang mahu dikenakan negara terbabit, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, tiada negara termasuk AS boleh menetapkan sebarang tarif dalam perdagangan mengikut kehendak mereka sehingga menjejaskan ekonomi negara lain.

Berikutan itu, tegasnya, rundingan sedang dilakukan antara Malaysia dan AS bagi menyelesaikan kemelut berkenaan, sekali gus memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia terjamin.

“Dalam kita melakukan perubahan dalam negara, kita dikejutkan dengan tarif dikenakan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump melalui kenaikan tarif.

“Tarif maknanya barangan Malaysia yang hendak dibawa ke AS menjadi lebih mahal, ia akan menjadi masalah kepada ekonomi Malaysia.

“Setakat ini, ia ditangguhkan 90 hari membolehkan kita bernafas sebentar kerana negara jiran Thailand, Kemboja, Vietnam,



Tuanku Syed Sirajuddin dan Tuanku Syed Faizuddin bersama Anwar hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI2025 di Dataran Kuala Perlis, semalam.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Indonesia dikenakan tarif jauh lebih tinggi,” katanya berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 di sini, semalam.

Turut berangkat, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail; Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

## Jelas sektor semikonduktor

Mengulas lanjut, Anwar berkata, sebarang perubahan dalam tarif timbal balik dikenakan AS mampu menjejaskan sektor semikonduktor tempatan berikutan Malaysia antara pengeluar utama

peralatan itu.

Berikutan itu katanya, hubungan Malaysia dan AS perlu kekal terjalin bagi memastikan sebarang perubahan tidak menjejaskan masa hadapan dan rakyat negara ini.

“Kita adalah negara yang mengeluarkan semikonduktor yang besar. Malaysia negara pengeluar terbesar di dunia dengan eksport kita 60 peratus ke AS bernilai lebih RM140 bilion.

“Disebabkan itu hubungan Malaysia dan AS serta negara lain harus kekal sederhana supaya ia tidak menjejaskan kehidupan rakyat, pekerjaan mereka dan pertumbuhan ekonomi negara

“Untuk apa pertumbuhan ekonomi ini? Untuk pastikan kesejahteraan pada rakyat, bagi menangani masalah ini kita hantar dua menteri untuk berunding bersama AS agar mereka faham

dan suatu tindakan keputusan lebih adil diambil bersama,” katanya.

Beliau menjelaskan Malaysia tidak bersetuju dengan tarif mahu dikenakan AS kerana ia tidak boleh ditetapkan secara bersendirian oleh negara terbabit.

“Kita boleh tanya adakah Malaysia setuju dengan tarif ini? Kita tidak setuju kerana Malaysia negara dagang dan tidak ada negara waima AS menetapkan sebarang tarif sewenang-wenang secara unilateral.

“Kita terikat dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) secara multilateral kerana kita gabung dengan negara lain, tetapi kita kena terima kenyataan dan tangani isu ini dengan bijaksana,” katanya.

Sementara itu, bercakap pada sidang media selepas Majlis

Apresiasi Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN) di Kota Bharu, semalam, Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata semua negara termasuk Malaysia akan terkesan dengan tarif baharu oleh AS.

Beliau berkata, kerajaan sedang mengadakan perbincangan berhubung tarif berkenaan.

“Isu tarif ini semua negara dunia akan terkesan. Kita Malaysia kena 10 peratus campur 24 peratus, Vietnam pula kena 10 peratus campur 56 peratus. Macam-macam negara, macam-macam peratusan.

“Untuk kita Malaysia, 24 peratus bagi tempoh 90 hari ini kita tidak akan kena apa-apa, hanya kena 10 peratus. Kita negara kecil, penduduk tidak besar, jadi kita nak bincang dengan AS, kena pandailah,” katanya.